

**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN
PEJABAT BENDAHARI**

KUiTTHO. (PB) 10.12/04 (13)

Tarikh: 14 Oktober 2003

PEKELILING BENDAHARI BIL. 6/2003

Semua Pengurus Bahagian
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

PINDAH PERUNTUKAN PERBELANJAAN MENGURUS UNIVERSITI

1.0 Tujuan

Pekeliling ini bertujuan untuk mengemaskini dan menetapkan peraturan mengenai pindah peruntukan Perbelanjaan Mengurus Pusat Tanggungjawab (PTJ).

2.0 Definisi

2.1 Objek Am

Suatu Kumpulan Objek Sebagai perbelanjaan atau hasil

Contoh

10000	-	Emolumen
20000	-	Perkhidmatan & Bekalan
30000	-	Aset

2.2 Objek Sebagai

Suatu jenis perbelanjaan atau hasil yang dijeniskan di bawah suatu Objek Am

Contoh

21000	-	Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup
24000	-	Sewaan
32000	-	Bangunan dan Pembaikan Bangunan

2.3 Pindah Peruntukan

Menambah peruntukan kepada Objek Am atau Objek Sebagai yang tidak cukup untuk menanggung perbelanjaan aktiviti dengan mengurangkan peruntukan Objek Am atau Objek Sebagai yang lain.

2.4 Pengurus Bahagian

Pegawai yang menerajui sesuatu Pusat Tanggungjawab dan diberi kuasa untuk menguruskan peruntukan contoh Pendaftar, Bendahari, Pengarah, Dekan, Pengurus dan Timbalan Pendaftar.

3.0 Kuasa Untuk Membuat Pindah Peruntukan

Selaras dengan tujuan pekeliling ini dikeluarkan, kuasa membuat pindah peruntukan adalah seperti berikut:

3.1 Pindah Peruntukan di antara Objek Am dan PTJ yang sama.

Pengurus Bahagian/ Bendahari/ Rektor adalah diberi kuasa untuk membuat pindah peruntukan di bawah kategori ini bergantung kepada jumlah yang dipindahkan seperti di para 4.1. Sila gunakan borang **BEN/UB/001A** seperti di Lampiran.

Contoh:

Pindah peruntukan Vot 27000(Pej. Bendahari) ke Vot 28000 (Pej. Bendahari)

3.2 Pindah Peruntukan diantara Objek Am yang berlainan tetapi didalam PTJ yang sama.

Bendahari atau Rektor diberi kuasa untuk membuat pindah peruntukan dibawah kategori ini bergantung kepada jumlah yang dipindahkan seperti dipara 4.2. Sila gunakan borang **BEN/UB/001B** seperti di Lampiran.

Contoh:

Pindah peruntukan Vot 27000(Pej. Bendahari) ke Vot 35000 (Pej. Bendahari)

3.3 Pindah peruntukan diantara PTJ yang berlainan

Bendahari atau Rektor diberi kuasa untuk membuat pindah peruntukan dibawah kategori ini bergantung kepada jumlah yang dipindahkan seperti dipara 4.2. Sila gunakan borang **BEN/UB/001C** seperti di Lampiran.

Contoh:

Pindah peruntukan Vot 27000(Pej. Bendahari) ke Vot 28000 (Pej. Pendaftar)
atau

Pindah peruntukan Vot 27000(Pej. Bendahari) ke Vot 35000 (Pej. Pendaftar)

4.0 Had Maksima untuk kelulusan pindah peruntukan mengikut kategori adalah seperti berikut:

4.1 Kategori Para 3.1

RM 50,000 dan kebawah (\leq RM50,000) – Pengurus Bahagian
RM 100,000 dan kebawah (\leq RM100,000) – Bendahari
RM100,000 keatas ($>$ RM100,000) - Rektor

4.2 Kategori Para 3.2 dan 3.3

RM100,000 dan kebawah (\leq RM100,000) – Bendahari
RM100,000 keatas ($>$ RM100,000) – Rektor

5.0 Batasan Kuasa untuk membuat pindah peruntukan.

5.1 Semua PTJ tidak dibenarkan untuk membuat pindah peruntukan bagi vot 10000 (perbelanjaan emolumen) dan vot 21000 (perbelanjaan perjalanan dan sarahidup) samada pindah dari atau kepada vot tersebut. PTJ dikehendaki memohon peruntukan tambahan bagi mengatasi kekurangan peruntukan bagi vot-vot tersebut.

5.2 Pindah Peruntukan antara dasar

Semua PTJ tidak dibenarkan untuk membuat pindah peruntukan diantara dasar yang berlainan.

Contoh:

Pindah peruntukan vot 27000(Dasar Baru) kepada 28000(One-Off/Sedia Ada) atau sebaliknya.

6.0 Pelarasan Buku Vot

Semua PTJ diminta untuk membuat pelarasan didalam buku vot setelah mendapat perakuan/kelulusan daripada Pejabat Bendahari secara bertulis.

7.0 Tanggungjawab Ketua Pusat Tanggungjawab

- 7.1 Pengurus Bahagian adalah dinasihatkan supaya berhati-hati dalam membuat sebarang pindah peruntukan agar tidak berlaku kekerapan pindah peruntukan yang mencerminkan kurang perancangan di pihak PTJ. Misalnya pindah peruntukan dari satu butiran kepada butiran yang telah dikurangkan peruntukannya melalui pindahan yang telah dibuat terlebih dahulu atau sebaliknya hendaklah dielakkan.
- 7.2 Semasa membuat/memohon pindah peruntukan Pengurus Bahagian perlu menyemak kedudukan kewangan PTJ terlebih dahulu untuk memastikan baki yang ada cukup untuk menampung perbelanjaan untuk tahun kewangan tersebut.
- 7.3 Pengurus Bahagian perlu memastikan Buku Vot sentiasa dikemaskini agar baki peruntukan yang ditunjukkan adalah yang terkini.

8.0 Pembatalan

Pekeliling Bendahari **Bil 10/2001** mengenai pindah peruntukan perbelanjaan mengurus adalah dengan ini **terbatal**.

9.0 Tarikh Kuatkuasa Pekeliling

- 9.1 Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta dan hendaklah dibaca dengan lain-lain pekeliling yang berkaitan dengan Pengawalan Perbelanjaan.
- 9.2 Semua peraturan mengenai pindah peruntukan hendaklah dipatuhi dan pelanggaran peraturan akan dibawa ke Jawatankuasa tatatertib Universiti untuk tindakan *surcharge*.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar,

ABU BAKAR BIN HUSSAIN

Bendahari

Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
(samb. 6007)